

Envox Asia terokai pasaran Eropah

ENVOX Asia Sdn Bhd (Envox Asia), syarikat yang terbabit bagi menyediakan pasaran pusat panggilan dengan jenama iPCX kini menerokai pasaran Eropah menerusi pemasangan sistem iPCX pada syarikat farmasi Alpha Re-partition dari Belgium mengendalik-an 33 peratus daripada panggilan dibuat atau 55 panggilan sejam.

Ketua Eksekutif Envov Asia, Rodney Yap, berkata kemampuan Envov

Asia menembusi pasaran Eropah membuktikan produk keluaran tempatan tidak jauh ketinggalan dari segi teknologi ditawarkan malah ada yang jauh lebih baik dan harga lebih murah berbanding produk atau rumusan daripada syarikat gergasi.

"Kelebihan rumusan pusat panggilan iPCVX ialah ia mampu mengurangkan bilangan wakil perkhidmatan pelanggan daripada 20 kepada

16 untuk menangani bilangan panggilan sama dan ini secara langsung dapat menjimatkan perbelanjaan syarikat kerana kos untuk menggaji-kan seorang ejen di Eropah ialah RM17,390 sebulan.

"Dengan pemasangan iPCX Alpha dapat menjimatkan kos operasi sebanyak RM69,560 sebulan," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Rumusan Pusat Panggilan iPCX yang dibangunkan Envov Asia mampu untuk melaksanakan segala operasi berkaitan panggilan daripada pelanggan.

Ia mampu bertindak secara intuitif bagi mengubahsuai sebarang aplikasi mengikut keperluan semasa.

Beliau berkata, penembusan pasaran iPCX ke Eropah hasil daripada kerjasama dengan penyedia dan

penggabung sistem telekomunikasi terkemuka Eropah Ascom untuk menerokai pasaran di benua berke-naan.

"iPCX membolehkan masa perniagaan dipanjangkan dan lebih dekat kepada pelanggan kerana segala pertanyaan pelanggan sama ada berkaitan produk atau membuat tempahan barangan akan dapat diberikan reaksi serta-merta" jelasnya.